

ETNOGRAFI KOMUNIKASI ORANG ASLI JAKUN

(Ethnography of Communication of the Jakun Tribe)

Mohamad Rozi Kasim
rozi_oldskull@yahoo.com

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900
Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Sila rujuk: Mohamad Rozi Kasim. (2021). Etnografi Komunikasi Orang Asli Jakun. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(1), 21–44. [https://doi.org/10.37052/jm.14\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jm.14(1)no2)

Peroleh: <i>Received:</i> 2/6/2020	Semakan: <i>Revised</i>	Terima: <i>Accepted:</i> 8/12/2020	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i> 1/1/2021
---------------------------------------	----------------------------	---------------------------------------	---

Abstrak

Kajian ini membincangkan etnografi komunikasi orang asli Jakun di dua buah perkampungan orang asli Jakun di Mukim Kahang, iaitu di Kampung Seri Kenangan dan Kampung Punjut. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan etnografi komunikasi orang asli Jakun. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif untuk menghuraikan data yang dikumpulkan di lapangan. Data etnografi komunikasi dipungut menerusi temu bual terhadap 20 orang informan orang asli Jakun. Deskripsi etnografi komunikasi bahasa Jakun dalam kajian ini menggunakan kerangka teori SPEAKING. saranan Dell Hymes (1964). Kerangka teori S PEAKING. ini telah dapat menghuraikan peristiwa komunikasi dan latar belakang orang asli Jakun.

Kata kunci: Orang asli, orang asli Jakun, etnografi, komunikasi, teori SPEAKING

Abstract

This study discusses the ethnography of communication of Jakun tribes people in two villages in the sub-district of Kahang: Kampung Seri Kenangan and Kampung Punjut. The main objective of this study is to explain the ethnography of communication of the Jakun tribe. Furthermore, this study uses a qualitative descriptive method to interpret the data collected in the field. The informants for this study were Jakun tribes people. The data was collected through interviews with 20 informants. Description of the ethnography of communication of the Jakun language in this study employs the theoretical framework of SPEAKING introduced

by Dell Hymes (1964). *The SPEAKING framework enable explanation of the communication event and background of the Jakun tribe.*

Keywords: Indigenous people, Jakun tribe, ethnography, communication, SPEAKING model

PENDAHULUAN

Etnografi merupakan bidang ilmu yang mengkaji budaya sesuatu kaum atau bangsa. Etnografi juga menitikberatkan penerangan dan analisis terhadap budaya (Saville-Troike, M., 1989: 1). Dalam bidang ini, terdapat beberapa cabang ilmu, dan satu daripadanya ialah etnografi komunikasi. Bagi ahli antropologi, etnografi komunikasi merupakan kaedah terbaik untuk menunjukkan skop kajian yang diperlukan oleh mereka (Hymes, 1964: 2). Hal ini disebabkan etnografi komunikasi merupakan pendekatan yang tepat untuk menyelesaikan masalah bahasa yang dihadapi oleh ahli antropologi (Hymes, 1964: 2). Sesuatu pendekatan yang diambil oleh ahli antropologi mestilah berkaitan dengan penggunaan bahasa mengikut konteks situasi dan konteks sesuatu komuniti itu secara keseluruhan (Hymes, 1964: 3).

Menurut Hymes (1964: 3), etnografi bukannya bahasa, tetapi merupakan komunikasi yang menyediakan kerangka rujukan tentang kedudukan bahasa dalam budaya dan masyarakat yang hendak dijelaskan. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan etnografi komunikasi orang asli Jakun berdasarkan kerangka teori SPEAKING yang dicadangkan oleh Hymes (1964). SPEAKING merupakan akronim yang mewakili *setting and scene, participants, ends, act sequence, key, instrumentals* dan *genre*. Penjelasan tentang etnografi komunikasi ini sedikit sebanyak dapat merungkaikan latar belakang komuniti orang asli Jakun yang masih kurang diketahui umum. Peristiwa komunikasi yang wujud dalam sesebuah komuniti berbeza dengan komuniti yang lain disebabkan perbezaan situasi dan latar belakang budaya dan cara hidup sesuatu komuniti itu. Terdapat kemungkinan bangsa Melayu, Cina, India di Malaysia masih kurang arif tentang etnografi komunikasi yang terdapat dalam komuniti orang asli Jakun ini.

Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan etnografi komunikasi orang asli Jakun di Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan yang terletak di Mukim Kahang di Johor. Kajian ini membataskan dua buah kampung ini sahaja kerana penduduk di kedua-dua buah kampung tersebut majoriti daripada mereka terdiri daripada orang asli Jakun. Jumlah penduduk bagi kedua-dua kampung tersebut bagi tahun 2015 seramai 325 orang. Daripada jumlah tersebut, 254 orang dari Kampung Punjut dan 71 orang dari Kampung Seri Kenangan yang kesemuanya merupakan orang asli Jakun.

KAJIAN LEPAS

Kajian ini melakukan tinjauan literatur dengan melihat kajian lepas yang berkaitan dengan komuniti orang asli Jakun. Terdapat beberapa kajian lepas yang dikenal pasti dapat memberikan input berguna sebagai rujukan dalam kajian ini.

Logan (1847) dikatakan sebagai tokoh terawal yang menulis kajian atau mencatatkan perihal orang asli Jakun. Tajuk kajian Logan (1847) ialah *The Binua of Johor*. Umum mengetahui bahawa orang asli Jakun ini memiliki pelbagai nama termasuk *Binua*. Menurut Logan (1847: 246) perkataan *Binua* secara literasinya merujuk orang negara ini (*people of the country*) dan orang Melayu menggelarkan orang asli Jakun ini dengan pelbagai nama, seperti orang utan, orang darat liar dan orang hulu. Semasa beliau melakukan pelayaran di Johor, beliau telah menemui beberapa buah perkampungan orang asli Jakun di Sungai Sedili, Kuala Endau dan Sungai Madek (terletak di Mukim Kahang). Logan (1847: 245) menyatakan bahawa antara fakta menarik yang diperoleh oleh beliau semasa pelayarannya itu termasuklah kawasan pedalaman di negara yang dilawati oleh beliau ini (Tanah Melayu) didiami oleh orang asli Jakun.

Kajian Logan (1847) ini bukan sahaja mencatatkan kedudukan geografi orang asli Jakun di Johor, tetapi juga dengan secara teliti merakamkan ciri-ciri yang dimiliki oleh orang asli Jakun seperti rupa paras, bentuk badan, pakaian, makanan, rumah, gaya hidup, pekerjaan, kekeluargaan, adat resam dan agama. Selain itu, beliau menyatakan bahawa orang asli Jakun ini tidak mempunyai sistem tulisan (Logan, 1847: 283). Beliau juga mengatakan bahawa sebutan orang asli Jakun ketika akhiran /k/ dan awalan /h/ dalam banyak perkataan pada asalnya mengikut bunyi sebutan bahasa Melayu (Logan, 1847: 289).

Di samping itu, kajian ini juga meneliti penelitian yang dilakukan oleh Skeat dan Blagden (1966) dalam buku yang bertajuk *Pagan Races of the Malay Peninsula* yang terdiri daripada dua siri, iaitu *Volume One* dan *Volume Two*. Kajian yang dilakukan ini melibatkan orang asli yang tinggal di Semenanjung Malaysia, seperti orang asli daripada suku kaum Jakun, Sakai, dan Semang. Terdapat empat aspek utama yang dikaji dalam kajian tersebut, iaitu keturunan, adab dan adat, agama dan bahasa.

Antara kajian yang menarik termasuklah kajian yang dilakukan oleh Maeda, sekitar era 1960-an, tentang masyarakat Jakun ini. Kajian Maeda ini telah disunting oleh Baer (2001) yang bertajuk *The Orang Hulu: A Report on Malaysian Orang Asli in the 1960's*. Pertama sekali, istilah Orang Hulu yang digunakan oleh Maeda ini merupakan gelaran lain bagi masyarakat orang asli Jakun. Masyarakat orang asli Jakun di sekitar Sungai Endau menggelarkan diri mereka Orang Hulu yang bermaksud masyarakat yang tinggal di atas air atau sungai (Maeda, 2001: 10). Gelaran yang diberikan kepada diri mereka ini mengikut kawasan tempat tinggal

mereka, seperti di Endau, Rompin, Nenasi, Selai, Bekok, Bekok, Kahang, dan Kota Tinggi (Maeda, 2001:10). Kajian yang dilakukan oleh Maeda ini merangkumi aspek cara hidup Orang Hulu, seperti petempatan, sara hidup, aktiviti ekonomi, keluarga dan persaudaraan, integrasi dan konflik antara perkampungan dan hubungan dengan masyarakat luar. Kajian tersebut sedikit sebanyak memberikan maklumat kepada kajian ini untuk meneliti cara hidup Orang Hulu atau orang asli Jakun sekitar tahun 1960-an yang lalu.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Carey (1976) yang bertajuk *The Aboriginal Tribes of Peninsula Malaysia*. Kajian tersebut berfokuskan masyarakat orang asli Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Dalam kajian tersebut, orang asli Jakun tergolong dalam masyarakat Melayu Proto. Antara aspek utama yang dibincangkan berkaitan dengan orang asli Jakun dalam kajian itu ialah aktiviti ekonomi, organisasi sosial, persaudaraan dan perkahwinan, agama dan kepercayaan.

Dari sudut etnolinguistik pula, Asmah dan Samsur Rijal (2018) telah melakukan kajian terhadap orang asli Jakun yang tinggal di Pahang (Pekan dan Rompin) dan Johor (Endau). Menurut mereka, terdapat sebahagian orang asli Jakun kini telah berpindah ke kawasan bandar dan hidup bersama dengan komuniti yang lain. Orang asli Jakun, ketika ini, kebanyakannya telah mendapat pendidikan sekurang-kurangnya pendidikan peringkat sekolah rendah dan terdapat juga masyarakat orang asli Jakun yang mempunyai kelulusan lepasan universiti serta berjaya berkhidmat di sektor kerajaan. Kajian Asmah dan Samsur Rijal (2018) menyatakan bahawa kebanyakan adat resam orang asli Jakun ini hampir sama dengan masyarakat Melayu seperti adat perkahwinan, kelahiran anak dan kematian. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Asmah dan Samsur Rijal (2018) ini, dapat disimpulkan bahawa bahasa dan cara hidup orang asli Jakun ketika ini sudah hampir sama dengan masyarakat Melayu.

Selain itu, Paul Schebesta (1925) telah menjalankan kajian tentang komuniti Kubu dan Jakun dalam kajiannya yang bertajuk *Kubu and Jakun as Proto Malays*. Dalam kajian beliau itu, beliau ingin membuktikan bahawa komuniti Kubu di Sumatera merupakan orang yang sama dengan komuniti Jakun di Tanah Melayu. Beliau mengatakan bahawa komuniti Kubu berkongsi budaya yang sama dengan komuniti Jakun (1925: 1). Menurut beliau lagi, orang asli Jakun sama tempat asalnya dengan komuniti Kubu, iaitu di Pagar Ruyong, Sumatera (1925: 2). Dari aspek bahasa, kajian yang dilakukan oleh Paul Schebesta ini juga mempunyai maklumat tentang itu. Menurut Schebesta (1925: 2), bahasa ibunda Kubu dan Jakun ialah *Malayic*.

Kajian lepas yang telah dilakukan yang berkaitan dengan komuniti orang asli Jakun ini sangat penting untuk meningkatkan kualiti kajian ini. Berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh tokoh seperti Logan (1847), Skeat & Blagden (1966),

Maeda (2001), Carey (1976), Asmah dan Samsur Rijal (2018) dan Paul Schebesta (1925), cara hidup orang asli Jakun yang dihuraikan sememangnya mempengaruhi peristiwa komunikasi (*communicative/speech events*) orang asli Jakun. Namun begitu, disebabkan peredaran masa, terdapat kemungkinan peristiwa komunikasi orang asli Jakun pada zaman sekarang berbeza dengan peristiwa komunikasi pada zaman dahulu. Oleh itu, bagi menghuraikan dengan lebih mendalam tentang peristiwa komunikasi orang asli Jakun ini, kajian ini menggunakan teori SPEAKING.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini membincangkan metodologi atau kaedah kajian yang digunakan untuk mengumpulkan data di lapangan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif yang melibatkan beberapa kaedah pengumpulan data dan pemilihan informan.

Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, terdapat dua kaedah pengumpulan data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan.

(1) Kaedah Kepustakaan

Dalam kaedah kepustakaan ini, pembacaan terhadap tulisan dalam kajian lepas yang berkaitan dengan masyarakat orang asli Jakun. Kaedah kepustakaan ini penting dilaksanakan supaya kajian yang dilakukan ini berbeza dengan kajian yang terdahulu.

Selain itu, kaedah kepustakaan ini juga melibatkan sumber bacaan yang boleh diperolehi melalui internet atau laman sesawang. Pada masa ini, laman sesawang atau internet dianggap sebagai medium penyebaran dan penyampaian ilmu yang baharu. Jadi, tidak hairanlah sekiranya kajian ini turut menggunakan sumber ini sebagai salah satu medium untuk mendapatkan maklumat.

(2) Kajian Lapangan

Kajian lapangan merupakan satu lagi cara yang digunakan dalam kajian ini untuk mengumpulkan data. Data daripada kajian lapangan ini merupakan data primer kerana kajian ini mengambil data tersebut terus daripada orang asli Jakun tersebut. Bagi mendapatkan data etnografi komunikasi orang asli Jakun, temu bual bebas dijalankan terhadap informan orang asli Jakun yang terpilih. Temu bual bebas yang dijalankan ini bertujuan untuk mendapatkan data latar belakang kebudayaan orang

asli Jakun. Selain itu, temu bual bebas ini juga bertujuan untuk melihat penggunaan bahasa dalam komuniti itu berdasarkan situasi, peserta, bentuk mesej, kandungan mesej dan peraturan semasa mereka berinteraksi antara satu sama lain.

Pemilihan Informan

Semasa pengumpulan data, perkara paling utama ialah informan. Hal ini disebabkan tanpa informan, sudah pastilah data di lapangan tidak berjaya dikutip. Informan yang terlibat dalam proses pengumpulan data ini merupakan orang asli Jakun yang tinggal di dua buah perkampungan orang Asli, iaitu Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan di Mukim Kahang yang terletak di daerah Kluang, Johor.

Maklumat berkaitan dengan etnografi komunikasi orang asli Jakun ini diperoleh menerusi temu bual terancang dan tidak terancang terhadap 20 orang informan. Informan yang terlibat merupakan remaja lelaki dan remaja perempuan, orang dewasa lelaki dan orang dewasa perempuan, dan orang tua lelaki dan orang tua perempuan. Informan-informan tersebut mestilah memiliki kriteria yang berikut:

- Informan mesti menetap di kawasan atau perkampungan orang asli Jakun.
- Informan mesti penutur asli bahasa Jakun.

Kerangka Teoretis

Kerangka teoretis etnografi komunikasi yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada Hymes (1964). Hymes (1964) telah memperkenalkan satu akronim yang dikenali sebagai SPEAKING. SPEAKING merupakan akronim yang merujuk *setting and scene, participants, ends, act, key, instrumentalities, norms* dan *genre*. Apabila ditukarkan atau diterjemahkan dalam bahasa Melayu, akronim tersebut bermaksud latar dan peristiwa, peserta, matlamat, aksi, nada, saluran, norma dan genre.

Komponen dalam Peristiwa Komunikasi

Teori SPEAKING ini merupakan gabungan beberapa komponen yang terlibat dalam sesuatu peristiwa komunikasi atau *communicative events*. Yang berikut merupakan penjelasan Hymes (1964: 13) berkaitan dengan komponen-komponen yang terdapat dalam teori SPEAKING ini:

Briefly put, (1,2) the various kinds of participants in communicative events - senders and receivers, addressors and addressees, interpreters

and spokesmen, and the like; (3) the various available channels, and their modes of use, speaking, writing, printing, drumming, blowing, whistling, singing, face and body motion as visually perceived, smelling, tasting, and tactile sensation; (4) the various codes shared by various participants, linguistic, paralinguistic, kinesic, musical, and other; (5) the settings (including other communication) in which communication is permitted, enjoined, encouraged, abridged; (6) the forms of messages, and their genres, ranging verbally from single-morpheme sentences to the patterns and diacritics of sonnets, sermons, salesmen's pitches, and any other organized routines and styles; (7) the topics and comments that a message may be about; (8) the events themselves, their kinds and characters as wholes.

Berdasarkan kenyataan Hymes (1964: 13) di atas, terdapat pelbagai komponen yang wujud dalam sesuatu peristiwa komunikasi seperti peserta yang terlibat, saluran komunikasi yang digunakan dan pelbagai jenis kod atau norma yang dikongsi bersama semasa peristiwa komunikasi itu berlaku. Selain itu, latar berlakunya peristiwa komunikasi, bentuk mesej dan genre, topik dan semua jenis perkara yang terlibat dalam sesuatu peristiwa komunikasi itu merupakan komponen penting dalam peristiwa komunikasi. Semua komponen dalam peristiwa komunikasi yang dinyatakan oleh Hymes (1964: 13) itu mempunyai saling berkaitan atau saling berhubungan antara komponen.

Kerangka teori yang dikemukakan oleh Hymes ini berfokus pada cara untuk menganalisis peristiwa komunikasi mengikut konteks sesuatu komuniti secara keseluruhan. Oleh itu, kajian ini menggunakan kerangka teori SPEAKING yang dikemukakan oleh Hymes (1964) untuk menghuraikan pola komunikasi orang asli Jakun.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Latar dan Peristiwa

Latar dan peristiwa (*setting and scene*) merupakan komponen penting dalam peristiwa komunikasi kerana setiap peristiwa komunikasi itu mempunyai latar atau tempat berlakunya peristiwa komunikasi itu. Setiap tempat yang berlakunya peristiwa komunikasi ini akan memperlihatkan peristiwa yang berbeza-beza, seperti penggunaan bahasa di sesuatu tempat, tingkah laku penutur ketika berada di sesuatu tempat dan banyak lagi. Sebagai contoh, peristiwa komunikasi di dalam bilik mesyuarat

berbeza dengan peristiwa komunikasi di dalam rumah. Peristiwa komunikasi di bilik mesyuarat boleh dianggap sebagai peristiwa komunikasi yang formal kerana bilik mesyuarat (tempat berlakunya peristiwa komunikasi) kebiasaannya digunakan untuk urusan rasmi. Bahasa yang digunakan di dalam bilik mesyuarat juga biasanya merupakan bahasa standard. Tingkah laku peserta (*participant*) juga lebih beretika atau berprotokol kerana faktor berada di bilik mesyuarat. Hal ini berbeza dengan peristiwa komunikasi di dalam rumah yang lebih bersifat tidak formal dan bahasa yang digunakan juga merupakan bahasa yang bersifat standard seperti dialek, bahasa pasar dan sebagainya. Tingkah laku peserta di rumah juga bersifat santai dan tidak formal seperti di bilik mesyuarat. Hal ini menunjukkan latar belakang atau tempat berlakunya peristiwa komunikasi itu mempengaruhi tingkah laku penutur dan penggunaan bahasanya.

Fokus utama latar dan peristiwa dalam kajian ini ialah dua buah perkampungan orang asli Jakun yang terletak di Mukim Kahang, iaitu Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan. Kedudukan kedua-dua buah kampung ini tidak jauh antara satu sama lain dan hanya dibezakan lebih kurang tiga hingga lima kilometer. Selain itu, kedudukan kedua-dua buah kampung ini terletak di tepi sungai Kahang yang mengalir hingga ke Taman Negara Endau-Rompin. Sepanjang Sungai Kahang tersebut terdapat beberapa perkampungan orang asli Jakun lain seperti Kampung Peroh dan Kampung Peta. Contohnya, Asmah dan Samsur Rijal (2018) pernah mengkaji orang asli Jakun yang tinggal di Kampung Peta, Taman Negara Endau-Rompin. Namun begitu, kedudukan Kampung Peta ini terletak agak jauh sedikit daripada Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan dan mengambil masa lebih kurang dua jam untuk sampai ke sana. Perbezaan Kampung Peta dengan Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan ialah kedua-dua kampung tersebut lebih dekat dengan jalan raya utama yang menghubungkan daerah Kluang dengan daerah Mersing.

Oleh itu, kajian ini akan menerangkan beberapa latar tempat yang selalu menjadi tempat berlakunya peristiwa komunikasi dalam masyarakat orang asli Jakun di Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan. Setiap latar tempat tersebut mempunyai peristiwa komunikasi yang berbeza antara satu sama lain. Sebagai contoh, peristiwa komunikasi di sekolah berbeza dengan peristiwa komunikasi yang berlaku di dalam hutan.

Latar Tempat di Sekolah

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan, dari segi pendidikan, kedua-dua buah kampung tersebut tidak mempunyai sekolah. Namun begitu, disebabkan kedudukan

kedua-dua buah kampung tersebut dekat dengan Kampung Sri Lukut Batu 28 (perkampungan orang Melayu) dan pekan Kahang, maka majoriti anak-anak orang asli Jakun akan bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Kahang Batu 28 dan bersekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Kahang Batu 23. Ibu bapa orang asli Jakun telah sedar akan pentingnya pendidikan formal di sekolah dan sanggup menghantar anak-anak mereka ke sekolah walaupun mereka hidup dalam serba sederhana dan kekurangan. Hal ini sekali gus memperlihatkan bahawa pendidikan di kedua-dua buah perkampungan orang asli tersebut tidak terabai kerana kedudukannya yang dekat dengan sekolah rendah dan menengah. Hal ini sama seperti yang dinyatakan oleh Asmah dan Samsur Rijal (2018: 456) bahawa orang asli Jakun yang tinggal di Taman Negara Endau-Rompin (Kampung Peta) kebanyakannya mempunyai pendidikan sekurang-kurangnya peringkat rendah dan mampu untuk bertutur dalam bahasa Melayu standard dengan baik.

Murid-murid Sekolah Kebangsaan Kahang Batu 28 majoritinya berbangsa Melayu, manakala murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Kahang Batu 23 pula majoritinya berbangsa Cina. Situasi di kedua-dua sekolah tersebut menunjukkan bahawa anak-anak orang asli Jakun ini perlu untuk berhubung dan berkomunikasi dengan murid-murid berbangsa lain di sekolah. Oleh itu, anak-anak orang asli Jakun menggunakan bahasa Melayu standard sebagai alat untuk berkomunikasi dengan murid-murid yang bukan orang asli Jakun.



Rajah 1 Anak-anak orang asli Jakun yang bersekolah di SMK Kahang sedang membuat persediaan untuk aktiviti kebudayaan.

Di sekolah, terdapat dua situasi yang menentukan penggunaan bahasa seseorang murid orang asli Jakun, iaitu situasi formal dan situasi tidak formal. Situasi formal terjadi ketika murid berkomunikasi dengan guru di dalam kelas. Semasa situasi formal tersebut, mereka menggunakan bahasa Melayu standard untuk berkomunikasi dengan guru mereka. Boleh dikatakan bahawa semua situasi formal di sekolah seperti semasa perhimpunan, ucapan daripada guru besar atau pengetua, mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bahasa Melayu standard akan digunakan sebagai alat berkomunikasi. Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa bahasa Jakun tidak digunakan semasa situasi formal di sekolah.

Bagi situasi tidak formal pula, contohnya ketika murid Asli Jakun ini berkomunikasi dengan rakan mereka yang juga merupakan orang asli Jakun di kantin sekolah, mereka akan menggunakan bahasa Jakun. Hal ini disebabkan mereka berasa kekok dan tidak selesa jika berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu sesama orang asli Jakun. Namun begitu, terdapat juga segelintir murid orang asli Jakun yang bertutur dalam bahasa Cina dengan murid asli Jakun yang lain. Situasi ini disebabkan ibu atau bapa mereka telah berkahwin campur dengan orang Cina. Oleh itu, mereka lebih gemar untuk menggunakan bahasa Cina sebagai alat untuk berkomunikasi antara satu sama lain.

Latar Tempat di Hutan

Di samping itu, latar tempat yang tidak boleh dipisahkan dengan orang asli Jakun ialah hutan. Hutan merupakan tempat yang sangat istimewa bagi orang asli Jakun. Walaupun kebanyakan orang asli Jakun sudah mula menjalankan aktiviti menoreh getah dan menanam kelapa sawit, namun mereka tetap akan masuk ke dalam hutan untuk mencari hasil hutan. Hal ini kerana mereka menganggap hutan merupakan satu daripada aktiviti penting dalam kehidupan mereka. Mereka masuk ke dalam hutan untuk mengutip hasil hutan seperti petai, rotan, daun palas dan banyak lagi. Bukan itu sahaja, mereka juga turut memburu binatang seperti babi hutan, ayam hutan dan kancil. Antara alat berburu yang biasa digunakan oleh orang asli Jakun ini ialah jerat, sumpit (sejenis alat yang diperbuat daripada buluh), penyauk (buluh atau kayu yang panjang yang mempunyai jaring berbentuk bulatan diujungnya dan biasanya digunakan untuk menyauk ayam hutan pada waktu malam). Selain itu, mereka juga menangkap hasil sungai di kawasan hutan seperti ikan dan udang galah. Mereka akan memasang gombang (struktur yang dibina daripada kayu dan terdapat jaring yang besar. Struktur ini sangat besar dan mampu mendapatkan hasil sungai yang sangat banyak dalam satu-satu masa), lukah, dan jaring. Kebiasaannya, semasa pergi memungut hasil hutan, memburu atau menangkap ikan di sungai,



Rajah 2 Hutan dan sungai tempat mencari sumber makanan dan pendapatan kepada orang asli Jakun.

hanya kaum lelaki orang asli Jakun sahaja yang melakukan aktiviti tersebut. Dalam konteks peristiwa komunikasi yang berlaku di hutan pula, peristiwa komunikasi di hutan kebiasaannya hanya melibatkan masyarakat orang asli Jakun sahaja. Mereka akan berinteraksi sesama mereka menggunakan bahasa Jakun.

Latar Tempat di Klinik

Dari segi kesihatan pula, kedua-dua buah perkampungan orang asli Jakun ini tidak mempunyai klinik untuk kemudahan orang asli Jakun mendapatkan rawatan atau berjumpa dengan petugas kesihatan. Namun begitu, mereka akan pergi ke klinik di pekan Kahang untuk mendapatkan rawatan. Pada masa ini, terdapat satu klinik kerajaan dan dua klinik swasta yang terdapat di pekan Kahang. Jarak perjalanan ke pekan Kahang lebih kurang lima hingga lapan kilometer sahaja dan mengambil masa lebih kurang lima hingga 10 minit.

Orang asli Jakun akan pergi ke klinik di pekan Kahang sekiranya mereka mengalami masalah kesihatan atau kemalangan. Semasa di klinik, mereka akan menggunakan bahasa Melayu sebagai alat untuk berkomunikasi dengan doktor atau jururawat di klinik tersebut. Penggunaan bahasa Melayu ini memudahkan urusan mereka di klinik kerana doktor atau jururawat dapat memahami perkara yang ingin disampaikan oleh mereka ketika itu. Latar tempat di klinik ini menunjukkan bahawa peristiwa komunikasi yang berlaku di klinik ini melibatkan dua orang atau lebih yang berlainan bangsa yang menyebabkan bahasa Melayu digunakan sebagai alat berkomunikasi.

Latar Tempa di Kawasan Rumah Ibadat

Di Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan, terdapat tiga agama yang dianuti oleh masyarakat orang asli Jakun di kedua-dua buah perkampungan tersebut, iaitu animisme, Buddha dan Islam. Bagi yang berpegang kepada kepercayaan animisme, tempat beribadat mereka atau tempat yang dihormati oleh mereka adalah di dalam hutan kerana mereka percaya bahawa hutan merupakan tempat roh nenek moyang mereka berada. Hal ini menyebabkan banyak pantang larang yang perlu diikuti oleh mereka seperti tidak boleh memecahkan busut dan menebang pokok besar. Bagi penganut agama Buddha pula, tempat beribadat mereka ialah di pekan Kahang kerana majoriti penganut agama Buddha yang berbangsa Cina tinggal di pekan Kahang dan terdapat sebuah tokong di sana. Orang asli yang menganut agama Buddha ini merupakan hasil daripada perkahwinan campur antara orang asli Jakun dengan orang Cina. Bagi penganut agama Islam pula, tiada tempat beribadat seperti surau atau masjid di Kampung Seri Kenangan kerana tiada penganut agama Islam di kampung tersebut. Di Kampung Punjut pula terdapat sebuah surau yang menjadi



Rajah 3 Orang asli Jakun melakukan upacara animisme di kawasan perkuburan.

tempat beribadat bagi orang asli Jakun yang beragama Islam. Hal ini disebabkan terdapat lebih kurang 38 orang penganut agama Islam di kampung tersebut.

Bagi mereka yang mengamalkan animisme. Mereka menggunakan bahasa Jakun ketika melakukan upacara membaca mantera atau jampi dalam majlis memperingati roh nenek moyang mereka. Bagi mereka yang menganut agama Buddha pula, mereka akan menggunakan bahasa Mandarin ketika beribadat di tokong. Penganut agama Islam pula menjadikan surau di Kampung Punjut sebagai tempat beribadat mereka. Di surau itu, mereka melakukan ibadat solat, mengaji al-Quran dan aktiviti ibadah yang lagi. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, penganut agama Islam menggunakan bahasa Jakun ketika berdoa kerana mereka lebih faham dalam bahasa Jakun daripada bahasa Arab. Mereka menggunakan bahasa Arab ketika bersolat dan membaca al-Quran kerana kedua-dua situasi tersebut merupakan situasi yang mewajibkan mereka menggunakan bahasa Arab.

Latar Tempat di Kedai

Dari segi ekonomi atau perniagaan, kedua-dua buah kampung tersebut tidak mempunyai pasar atau kawasan perniagaan. Mereka yang menjalankan perniagaan runcit secara kecil-kecilan hanya menggunakan sebahagian ruang di dalam rumah mereka sendiri sebagai tempat menjual barangan runcit. Di Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan, terdapat dua jenis kedai yang dimiliki oleh masyarakat orang asli Jakun. Kedai yang pertama merupakan kedai runcit yang terdapat di dalam rumah orang asli Jakun tersebut, manakala kedai yang kedua merupakan pondok di tepi jalan raya utama. Situasi di kedai runcit memperlihatkan penggunaan bahasa Jakun sepenuhnya kerana kebanyakan pelanggan yang datang membeli barang-barang di kedai runcit tersebut merupakan orang asli Jakun. Hal ini disebabkan amat jarang sekali orang luar yang datang membeli barang di kedai runcit tersebut, kecuali jika terdapat aktiviti perayaan seperti joget lambak yang diadakan di kedua-dua kampung tersebut. Terdapat pondok di tepi jalan raya utama. Pondok tersebut dijadikan tempat untuk menjual hasil hutan seperti petai, jering, daun palas dan sebagainya. Kebanyakan pelanggan yang membeli hasil hutan tersebut terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India. Oleh sebab itu, orang asli Jakun yang menjual hasil hutan di pondok tersebut menggunakan bahasa Melayu semasa urusan jual beli.

Latar Belakang di Kawasan Rumah

Orang asli Jakun kini sudah mempunyai tempat tinggal yang agak selesa. Kebanyakan rumah orang asli Jakun ini dibina daripada batu dan hanya sebilangan kecil sahaja

rumah yang masih diperbuat daripada kayu. Dari segi kemudahan yang terdapat di rumah orang asli Jakun ini, kebanyakan rumah mereka sudah mempunyai bekalan elektrik. Hal ini sekali gus membolehkan orang asli Jakun untuk menggunakan peralatan elektrik seperti televisyen, peti ais dan mesin basuh di dalam rumah mereka. Selain itu, bekalan air di kedua-dua perkampungan orang asli Jakun ini juga semakin baik hasil daripada usaha pihak JAKOA dan Syarikat Air Johor (SAJ) yang menyediakan kemudahan bekalan air bersih kepada penduduk. Hal ini sekali gus menyebabkan orang asli Jakun tidak lagi perlu lagi ke sungai atau mengambil air di perigi untuk kegunaan harian.

Kawasan rumah di kedua-dua buah perkampungan orang asli Jakun ini memperlihatkan penggunaan bahasa Jakun yang hampir seratus peratus. Kajian ini mengatakan hampir 100% dan bukannya 100% secara mutlak kerana terdapat sebilangan kecil anak-anak orang asli Jakun yang akan bertutur bahasa Cina atau Mandarin di rumah mereka. Sebagai contoh, daripada temu bual yang dilakukan semasa di lapangan, terdapat kanak-kanak yang bertutur bahasa Jakun dengan ibu mereka, tetapi ketika bertutur dengan bapa mereka yang berbangsa Cina mereka menggunakan bahasa Cina. Kebolehan bertutur dwibahasa ini disebabkan ibu atau bapa mereka berkahwin dengan orang Cina.



Rajah 4 Orang asli Jakun sedang berbual dan menjamu selera di kawasan rumah mereka.

Pemeran

Dalam teori SPEAKING, pemeran (*participant*) atau peserta ini sangat memainkan peranan penting dalam sesuatu peristiwa komunikasi. Pemeran atau peserta yang terlibat dalam sesuatu peristiwa komunikasi itu berbeza-beza. Sebagai contoh, peristiwa komunikasi antara murid orang asli Jakun dengan guru, orang asli Jakun dengan pihak kerajaan, orang asli Jakun dengan ibu bapa mereka dan banyak lagi. Kesemua peristiwa komunikasi tersebut berbeza-beza disebabkan pemeran yang terlibat dalam sesuatu peristiwa komunikasi itu juga berbeza-beza. Orang asli Jakun menggunakan bahasa Melayu sebagai alat untuk berkomunikasi dengan orang yang bukan daripada suku kaum mereka. Dalam situasi yang lain, orang asli Jakun menggunakan bahasa Jakun semasa berkomunikasi dengan orang asli Jakun yang lain kerana mereka merupakan peserta yang berada dalam kumpulan yang sama.

Kebanyakan orang asli Jakun ini tinggal di negeri Johor dan Pahang. Tempat tinggal mereka umumnya berdekatan dengan sungai. Terdapat beberapa buah perkampungan orang asli Jakun di sepanjang sungai Kahang yang mengalir hingga ke Taman Negara Endau-Rompin. Perkampungan orang asli Jakun ini asalnya dari hulu sungai Endau dan seterusnya tersebar melalui sungai ke Kampung Tanah Abang, Kampung Tanjung Tuan, Kampung Mentelong, Kampung Sungai Tuba, Kampung Tewowoh dan Kampung Pucur. Sungai Endau ini mengalir dan bergabung dengan sungai Kahang. Antara perkampungan orang asli Jakun yang terdapat di sepanjang sungai Kahang ialah Kampung Punjut, Kampung Seri Kenangan, Kampung Berasau, Kampung Peruh, Kampung Punan, dan banyak lagi. Orang asli Jakun di Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan sentiasa berhubung dan berkomunikasi dengan orang asli Jakun yang berada di sepanjang sungai Kahang dan sungai Endau. Kebiasaannya, mereka bertemu semasa majlis perkahwinan atau semasa perayaan joget lambak yang diadakan di mana-mana di perkampungan orang asli Jakun di kawasan tersebut.

Keistimewaan dan keunikan orang asli Jakun ini adalah dari sudut bahasa mereka. Jika bahasa Melayu mempunyai kepelbagaian dialek, bahasa Jakun juga mempunyai kepelbagaian dialek. Sebagai contoh, di daerah Kluang sahaja terdapat dua dialek bahasa Jakun yang dituturkan oleh orang asli Jakun. Dialek bahasa Jakun satu (1) dituturkan oleh orang asli Jakun yang tinggal di Kampung Punjut, Kampung Seri Kenangan, Kampung Berasau, Kampung Peruh, Kampung Tewowoh, Kampung Peta, dan Kampung Punan. Dialek bahasa Jakun dua (2) dituturkan di Kampung Sedehok, Kampung Air Pasir, Kampung Kuala Sengka, Kampung Pengkalan Tereh, dan Kampung Tanah Runtuh. Berdasarkan temu bual dengan informan, dialek bahasa Jakun 1 itu merupakan dialek yang sama dituturkan oleh orang asli Jakun

di daerah Mersing. Bagi dialek bahasa Jakun 2 pula, dialek tersebut merupakan dialek yang sama dituturkan di daerah Segamat dan Kota Tinggi. Informan kajian yang berasal dari Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan juga mengatakan bahawa kadang-kala mereka sukar untuk berkomunikasi dengan orang asli Jakun yang bertutur dialek bahasa Jakun 2 kerana terdapat beberapa perkataan yang dituturkan oleh mereka yang tidak sama dari sudut kosa kata dan bunyi. Jadual 1 yang berikut dialek bahasa Jakun 2.

Selain itu, orang asli Jakun juga sangat sayang dan cinta akan bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Jakun dan dalam masa yang sama bersifat terbuka untuk menerima bahasa lain dalam komuniti mereka. Hal ini terbukti dalam perkahwinan campur yang berlaku dalam kalangan masyarakat orang asli Jakun. Kebiasaannya perkahwinan campur ini melibatkan orang asli Jakun dengan orang Cina. Walaupun mereka berkahwin dengan orang Cina, namun mereka tetap menginginkan anak-anak mereka boleh bertutur dalam bahasa Jakun dan bahasa Cina. Mereka tidak menghantar anak-anak mereka untuk belajar bahasa kedua (bahasa Cina) secara formal di sekolah, sebaliknya mereka mengajar anak-anak mereka secara tidak formal di rumah. Sebagai contoh, apabila ibu (orang asli Jakun) bertutur dengan anak mereka, ibu akan menggunakan bahasa Jakun, manakala ayah (orang Cina) akan bertutur dengan anak mereka menggunakan bahasa Cina.

Dari sudut pemeran atau peserta ini, terdapat seorang individu yang berperanan penting dalam masyarakat orang asli Jakun, iaitu tok batin. Tok batin dianggap sebagai orang yang mulia dan disanjung tinggi. Tok batin biasanya dilantik oleh masyarakat kampung secara tidak rasmi dan kemudiannya dilantik secara rasmi oleh pihak JAKOA. Tok batin berperanan untuk menghubungkan masyarakat orang asli Jakun dengan pihak kerajaan seperti JAKOA. Selain itu, tok batin juga menjadi tempat untuk masyarakat orang asli Jakun menyampaikan sebarang aduan dan masalah yang dihadapi oleh mereka. Di samping itu, seseorang atau mana-mana organisasi yang ingin datang untuk melawat atau melakukan kajian di kawasan

Jadual 1 Perbezaan dialek bahasa Jakun 1 dengan dialek bahasa Jakun 2.

Dialek Bahasa Jakun 1	Dialek Bahasa Jakun 2
cuci muka (mencuci muka)	cuas (mencuci muka)
berburu (memburu)	berintai (memburu)
nun (sana)	kioh (sana)

perkampungan orang asli Jakun haruslah terlebih dahulu berjumpa dengan tok batin di perkampungan tersebut.

Selain itu, dalam pemerhatian terhadap peserta-peserta dalam sesuatu peristiwa komunikasi, terdapat satu perkara yang tidak boleh dipisahkan daripada mereka, iaitu budaya yang diamalkannya. Dalam konteks kajian ini, terdapat budaya masyarakat orang asli Jakun yang seakan-akan mirip dengan budaya masyarakat Melayu di Malaysia. Asmah & Samsur Rijal (2018: 456) juga pernah mengatakan bahawa adat yang diamalkan oleh orang asli Jakun seperti adat menyambut kelahiran, kematian dan perkahwinan hampir sama dengan orang Melayu. Sebagai contoh, budaya atau adat perkahwinan orang asli Jakun hampir sama dengan orang Melayu. Perkahwinan orang asli Jakun ini dimulakan dengan proses merisik, menghantar cincin, bertunang, dulang hantaran, mas kahwin dan duit hantaran yang wajib diberikan oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan. Kebiasaannya ahli keluarga terdekat pengantin perempuan tidur di rumah pengantin perempuan seminggu lebih awal sebelum hari pernikahan. Semasa majlis pernikahan, tok batin dan wali pengantin perempuan seperti ayah atau bapa saudara akan menikahkan kedua-dua pasangan pengantin tersebut. Selesai sahaja majlis perkahwinan, biasanya terdapat acara joget lambak yang diadakan bertujuan untuk meraikan pengantin dan orang ramai yang hadir ke majlis tersebut.

Selain itu, menerusi temu bual dengan seorang informan orang asli Jakun yang berumur 50 tahun, beliau mengatakan bahawa beliau sedikit kecewa dengan budaya orang asli Jakun pada masa ini, terutamanya budaya minum arak dan berjudi. Beliau mengatakan bahawa budaya minum arak dan berjudi bukanlah budaya orang asli Jakun, tetapi merupakan budaya luar yang dibawa masuk ke dalam masyarakat orang asli Jakun. Beliau juga mengatakan bahawa orang asli Jakun dahulu tidak pernah minum arak dan berjudi.

Matlamat atau Tujuan Berkomunikasi

Setiap pertuturan yang diujarkan oleh manusia mempunyai matlamat atau tujuan komunikasi (*ends*) yang tertentu. Sebagai contoh, seorang pekerja berkomunikasi dengan majikannya untuk menyatakan masalah yang dihadapi olehnya. Tujuan pekerja tersebut menyatakan masalahnya kepada majikannya mungkin disebabkan dia ingin majikannya membantunya dalam menyelesaikan sesuatu masalah tersebut.

Dalam konteks masyarakat orang asli Jakun ini, apa-apa sahaja yang dituturkan oleh mereka mempunyai matlamat tertentu. Sebagai contoh, kajian ini akan berfokus pada *Ends* atau matlamat yang terdapat dalam lirik lagu orang asli Jakun. Yang berikut merupakan lirik lagu tersebut:

Lirik lagu *Kekah Ketawa*

Badak berenyak serata simpang,
Kekah ketawa berdekah-dekah,
Jatuh di bawah si dahan patah.

Sayu hatiku, anak daro sayo,
Riuh rendah, ngilai ketawa,
Kembali berduka.

Badak berenyak serata simpang,
Kekah ketawa berdekah-dekah,
Jatuh di bawah si dahan patah.

Hidupkanlah ikatan semua,
Nama yang baik juga disanjung.

Lirik lagu di atas itu dahulunya sering dinyanyikan oleh orang asli Jakun yang tua pada setiap malam. Nyanyian tersebut didengari oleh masyarakat orang asli Jakun yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja dan dewasa. Namun begitu, pada zaman sekarang, sudah tidak ada lagi nyanyian lagu ini pada setiap malam dan hanya dinyanyikan ketika ada program yang tertentu sahaja. Hal ini disebabkan masyarakat orang asli Jakun, terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja lebih berminat dengan irama dan lagu-lagu yang terkini.

Berdasarkan temu bual dengan informan, lirik lagu *Kekah Ketawa* itu mempunyai dua matlamat yang utama, iaitu menggembirakan pendengar dan memberikan nasihat. Matlamat menggembirakan pendengar boleh dilihat pada rangkap pertama dan rangkap ketiga. Dalam kedua-dua rangkap tersebut, ayat seperti “badak berenyak (menghentakkan kaki) di serata simpang”, “kekah (monyet) ketawa berdekah-dekah”, dan “jatuh di bawah si dahan patah” bermatlamat untuk menggembirakan pendengar. Matlamat untuk memberikan nasihat boleh dilihat pada rangkap yang kedua dan keempat. Rangkap kedua mengingatkan pendengar supaya tidak terlalu gembira kerana sesiapa yang terlalu gembira kebiasaannya akan sedih pada akhirnya. Rangkap keempat pula, meminta pendengar supaya menjaga hubungan silaturahim sesama masyarakat kerana mereka yang berbuat baik dengan masyarakat akan sentiasa disanjung.

Secara umumnya, semua ujaran yang dituturkan oleh masyarakat orang asli Jakun ini mempunyai matlamat yang tertentu yang ingin dicapai oleh pemeran

atau peserta. Kajian ini menggunakan contoh lirik lagu *Kekah Ketawa* itu kerana daripada lirik lagu tersebut terdapat matlamat peribadi yang ingin disampaikan oleh seseorang penyanyi itu.

Aksi atau Perilaku Komunikasi

Perilaku komunikasi (*act sequence*) ini biasanya disusun mengikut konteks dalam sesuatu peristiwa komunikasi. Dalam masyarakat orang asli Jakun ini, aksi atau perilaku komunikasi dapat dilihat dalam banyak situasi. Kajian ini hanya memberikan satu contoh situasi, iaitu semasa joget lambak. Joget lambak ini biasanya diadakan semasa majlis perkahwinan dan menyambut tahun baharu. Joget lambak ini merupakan satu daripada hiburan utama orang asli Jakun. Urutan perilaku komunikasi sebelum dan semasa mengadakan majlis joget lambak adalah seperti yang berikut:

1. Membina pentas berbumbung.
2. Menyediakan peralatan muzik atau set kugiran di atas pentas.
3. Penyanyi akan mulakan nyanyian pada pukul lapan malam.
4. Orang yang hadir menari ketika lagu dinyanyikan.
5. Joget lambak tamat pada pukul satu atau dua pagi.

Sebelum joget lambak diadakan, lebih kurang tiga hari sebelum majlis tersebut, penduduk kampung orang asli Jakun akan bergotong-royong membina pentas berbumbung. Pentas berbumbung ini digunakan untuk meletakkan kelengkapan peralatan muzik dan tempat penyanyi menyanyikan lagu. Semasa pembinaan pentas, penduduk kampung berkomunikasi sesama mereka dalam bahasa Jakun.

Keistimewaan joget lambak ialah persembahannya tidak diadakan pada waktu siang, tetapi pada waktu malam. Kebiasaannya acara joget lambak bermula pada pukul lapan malam dan berakhir pada pukul satu atau dua pagi. Lagu-lagu yang dinyanyikan oleh penyanyi biasanya bercampur-campur, iaitu lagu Jakun dan lagu Melayu. Hal ini menunjukkan kepada kita bahawa masyarakat Jakun, terutamanya golongan muda, sudah mula meminati lagu-lagu Melayu.

Ketika penyanyi menyanyikan lagu di atas pentas, tetamu yang hadir berjoget beramai-ramai di bawah pentas. Tetamu yang hadir ini termasuklah orang asli Jakun dari kampung lain, orang Melayu, Cina dan India. Semasa berjoget lambak, mereka akan berjoget sambil berbual-bual sesama mereka. Di sinilah kita dapat lihat aksi mereka ketika berkomunikasi antara satu sama lain. Seheingakan terdapat pergaduhan semasa perayaan joget lambak ini berlangsung dan kebiasaannya disebabkan salah faham semasa berjoget lambak atau terdapat mereka yang terlampau mabuk.

Selain itu, ketika acara joget lambak ini berlangsung, terdapat juga kaum wanita orang asli Jakun yang bermain judi sesama mereka. Mereka bermain judi sambil berbual tentang keluarga mereka dan isu semasa masyarakat orang asli Jakun. Biasanya mereka bermain judi dari pukul lapan malam hingga hampir subuh. Walaupun keletihan, mereka tetap bergembira kerana mereka menganggap bahawa joget lambak ini merupakan salah satu cara untuk mereka berkumpul dan berhibur bersama-sama.

Nada

Dalam masyarakat orang asli Jakun, nada (*key*) atau cara sesuatu mesej itu disampaikan bergantung pada konteks sesuatu peristiwa komunikasi. Nada serius sering kali berlaku ketika ibu bapa orang asli Jakun berkomunikasi dengan anak-anak mereka. Terutama sekali ketika anak-anak mereka melakukan kesalahan, nada suara mereka menjadi serius dan tegas. Begitu juga ketika bermesyuarat dengan tok batin, nada serius sering digunakan untuk menarik perhatian masyarakat supaya fokus dengan perkara penting yang ingin disampaikan dalam mesyuarat.

Selain itu, orang asli Jakun ini terkenal dengan prinsip menghormati orang yang lebih tua daripada mereka. Mereka menggunakan nada yang lemah lembut ketika berkomunikasi dengan orang yang lebih tua daripada mereka. Dalam apa-apa jua situasi sekalipun, mereka dikehendaki menggunakan nada yang lemah lembut ketika berkomunikasi dengan orang tua. Namun begitu, adakalanya juga nada marah digunakan oleh orang asli Jakun ini ketika mereka bergaduh dengan seseorang. Sebagai contoh, kebiasaannya semasa perayaan joget lambak, terdapat beberapa pergaduhan yang sering berlaku antara orang asli Jakun dengan orang luar yang mungkin disebabkan salah faham dalam sesuatu perkara. Ketika berlakunya pergaduhan tersebut, mereka bukan sahaja menggunakan nada marah, malah turut menggunakan beberapa perkataan bahasa Jakun yang agak sensitif yang ditujukan kepada orang luar tersebut. Walaupun pada asalnya mereka menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi dengan orang luar, namun perkataan bahasa Jakun yang agak sensitif itu diucapkan secara automatik disebabkan perasaan marah yang teramat sangat ketika itu.

Saluran Komunikasi

Bahasa Jakun merupakan bahasa yang bersifat lisan. Bahasa Jakun ini menjadi saluran komunikasi (*instrumentalites*) dalam kalangan masyarakat orang asli Jakun. Namun begitu, seperti yang telah diterangkan sebelum ini, di daerah Kluang sahaja

terdapat dua dialek bahasa Jakun. Walaupun berbeza dialek, mereka masih mampu untuk berkomunikasi dengan baik dan menganggap perbezaan yang wujud seperti perbezaan kosa kata dan bunyi itu merupakan variasi bahasa yang wujud dalam bahasa Jakun.

Semasa berkomunikasi dengan orang luar, yang bukan orang asli Jakun pula, mereka menggunakan saluran komunikasi (*instrumentalities*) bahasa Melayu. Sebagai contoh, ketika orang asli Jakun berkomunikasi dengan orang asli dari suku Senoi, Temuan dan sebagainya, mereka akan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi lisan mereka. Hal ini disebabkan jika mereka tidak menggunakan bahasa Melayu, mereka mengalami kesukaran untuk memahami maklumat yang disampaikan oleh kedua-dua pihak kerana bahasa ibunda mereka berbeza.

Boleh dikatakan bahawa kebanyakan peristiwa komunikasi yang berlaku dalam masyarakat orang asli Jakun ini melibatkan saluran komunikasi lisan. Namun begitu, terdapat beberapa situasi yang menyebabkan mereka menggunakan saluran komunikasi bukan lisan seperti isyarat tangan. Sebagai contoh, ketika di dalam hutan, mereka menggunakan isyarat tangan kepada rakan mereka sekiranya terlihat binatang buas. Selain itu, hutan merupakan tempat yang mulia bagi orang asli Jakun dan mereka dilarang bercakap besar ketika berada di dalam hutan. Oleh sebab itu, bagi mengelakkan mereka bercakap besar di dalam hutan, mereka mengurangkan percakapan lisan ketika memungut hasil hutan dan hanya bercakap tentang perkara-perkara yang penting sahaja.

Norma dan Interaksi

Dalam masyarakat orang asli Jakun, terdapat beberapa norma (*norms*) yang harus diketahui oleh seseorang itu ketika berkomunikasi dengan orang asli Jakun. Pertama sekali, ketika berkomunikasi dengan orang asli Jakun, seseorang itu (orang luar) dilarang untuk mengejek bunyi bahasa yang dituturkan oleh orang asli Jakun. Bunyi bahasa Jakun ini berbeza intonasinya dengan bahasa Melayu yang mungkin menyebabkan orang luar yang baru pertama kali mendengar bahasa tersebut akan ketawa atau mengejek bahasa Jakun tersebut. Hal ini sangat dilarang kerana boleh menyebabkan kemarahan orang asli Jakun kerana mereka sangat sayang dan cinta akan bahasa ibunda mereka. Sesiapa yang mengejek bahasa Jakun dianggap tidak menghormati orang asli Jakun.

Selain itu, bagi masyarakat orang asli Jakun, mereka sangat selesa dan bangga sekiranya mereka digelar atau dipanggil sebagai “Orang Asli Jakun”. Namun begitu, mereka berasa marah sekiranya perkataan “jakun” itu ditujukan kepada mereka dengan maksud untuk menghina mereka. Hal ini disebabkan terdapat segelintir masyarakat

luar yang sering ketawa sekiranya disebut perkataan “jakun” kerana perkataan tersebut juga merujuk kepada sifat keterujaan seseorang itu terhadap sesuatu yang mereka tidak pernah lihat. Hal ini seharusnya diperbetul kerana perkataan “jakun” yang digunakan oleh orang asli Jakun itu bukanlah merujuk sifat keterujaan, tetapi kepada komuniti orang asli yang telah tinggal di negara ini berabad-abad lamanya.

Di samping itu, orang asli Jakun juga mempunyai norma yang tertentu semasa mereka di hutan. Mereka percaya bahawa hutan tersebut mempunyai penjaga yang ghaib dan roh nenek moyang mereka juga turut berada di hutan. Oleh itu, mereka dilarang untuk bercakap besar atau bercakap sesuatu perkara yang kotor dan sensitif ketika berada di dalam hutan. Mereka percaya sekiranya seseorang itu bercakap besar atau bercakap kotor di dalam hutan, malapetaka dan bahaya pasti akan menimpa orang tersebut.

GENRE

Bagi orang asli Jakun, dahulunya mereka menggunakan lagu sebagai medium untuk menyampaikan nasihat dan berjenaka. Pada zaman dahulu mereka tidak mempunyai sebarang alat atau teknologi yang ada seperti zaman sekarang untuk tujuan berhibur atau menyampaikan sebarang nasihat. Oleh sebab itu, mereka menggunakan lagu untuk berkomunikasi dengan anak-anak muda kerana anak-anak muda akan berkumpul beramai-ramai untuk mendengar nyanyian lagu yang disertakan dengan alunan muzik tradisional. Namun begitu, dewasa ini anak-anak orang asli Jakun sudah tidak lagi berminat dengan lagu-lagu tradisional. Mereka lebih menyukai lagu-lagu terkini yang sering dimainkan di corong-corong radio. Hal ini menyebabkan lagu dan muzik tradisional ini hanya dimainkan ketika ada program tertentu sahaja dan tidak lagi dimainkan setiap hari seperti zaman dahulu.

Pada zaman dahulu, masyarakat orang asli Jakun juga menggunakan genre bercerita untuk menyampaikan sesuatu berita atau memberikan nasihat kepada penduduk kampung. Mereka menggunakan penglipur lara untuk bercerita kepada masyarakat. Menurut Mohamad Luthfi (2014: 13), penglipur lara orang asli Jakun ini berperanan sebagai penghibur kepada para pendengarnya dengan segala macam bentuk penceritaan yang menarik. Selain memberikan rasa gembira di hati pendengar, penglipur lara juga berkebolehan untuk menyampaikan kisah yang mengandungi unsur nasihat dan pengajaran yang boleh dijadikan panduan hidup, sama ada dalam bentuk sakral mahupun sekular (Mohamad Luthfi, 2014: 13). Namun begitu, semasa kajian lapangan ini dilakukan, didapati Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan sudah tidak ada lagi penglipur laranya. Hal ini disebabkan penglipur lara yang dahulu sudah meninggal dunia dan anak-anak muda orang asli Jakun tidak ada yang ingin menjadi penglipur lara di kampung mereka.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, latar belakang budaya dan komunikasi masyarakat orang asli Jakun ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan berbeza dengan komuniti yang lain. Penggunaan teori SPEAKING yang dicadangkan oleh Hymes (1964) ini bukan sahaja dapat menjelaskan peristiwa komunikasi yang melibatkan orang asli Jakun, malah mampu menghuraikan budaya yang diamalkan oleh orang asli Jakun dalam kehidupan seharian. Komponen-komponen yang terdapat dalam teori SPEAKING yang dikemukakan oleh Hymes (1964) ini secara tidak langsung dapat menghuraikan etnografi komunikasi orang asli Jakun. Bukan itu sahaja, perkaitan atau saling hubungan antara komponen yang terdapat dalam teori ini juga dapat dilihat dengan jelas apabila terdapat komponen-komponen yang saling berkaitan dan tidak terasing. Sebagai contoh, semasa membincangkan komponen peserta atau *participant* dalam kajian ini, komponen-komponen lain juga tidak dapat dipisahkan seperti tempat peristiwa komunikasi yang berlaku, saluran yang digunakan oleh peserta semasa peristiwa komunikasi dan banyak lagi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan teori SPEAKING ini merupakan salah satu cara terbaik untuk menghuraikan etnografi sesuatu kelompok komuniti.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar & Samsur Rijal Yahaya. (2018). Malayic aborigines of Malaysia: A study in subgrouping. *Advances in Social Sciences Research Journal*, 5(3), 452-465.
- Carey, I. (1976). *Orang Asli: The aboriginal tribes of Peninsula Malaysia*. Oxford University Press.
- Hymes, D. (1964). *Introduction: Toward ethnographies of communication*. Washington, D.C: American Anthropological Association, pp. 1-34.
- Logan, James Richardson. (1847). The Orang Binua of Johore. *Journal of The Indian Archipelago and Eastern Asia*, 1, 242-293.
- Maeda, Narifumi Tachimoto. (2001). A. Baer (Ed.). *The Orang Hulu: A report on Malaysian orang asli in the 1960's*. Center for Orang Asli Concerns.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman. (2014). *Pura Taman: Warisan penglipur lara Jakun*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saville-Troike, M. (1989). *The ethnography of communication: An introduction* (Second Edition). Blackwell Publishing.

- Schebesta, P. (1925). Kummerow, M. & Baer, A. (Terjemahan) (2005). *Kubu and Jakun as Proto- Malays*. (Teks Asal) Paul Schebesta. 1925. *Die Orang Kubu auf Sumatra kein eigentliches Urvolk*. *Anthropos* 20. 1128-1130.
- Skeat, W. W. & Blagden, O. C. (1966). *Pagan races of The Malay Peninsula* (Volume One: Chapter 1-7). Frank Cass & Co. Ltd.
- Skeat, W. W. & Blagden, O. C. (1966). *Pagan races of The Malay Peninsula* (Volume Two: Chapter 1-2). Frank Cass & Co. Ltd.
- Skeat, W. W. & Blagden, O. C. (1966). *Pagan races of The Malay Peninsula* (Volume Two: Chapter 3). Frank Cass & Co. Ltd.